

# UMS-KAL diminta tambah program pengajian berkaitan minyak dan gas


LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) diminta untuk menambah program pengajiannya yang berkaitan minyak dan gas.

Perkara itu disuarakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Amir On Mustapha ketika berucap pada Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2012 di Dataran Labuan, pagi kelmarin.

Amir berkata, cadangan itu adalah selaras dengan pengiktirafan Labuan Sebagai Hab Minyak dan Gas di rantau ini.

“Labuan yang mempunyai pelbagai kemudahan dalam sektor minyak dan gas akan memberikan kelebihan kepada siswazah menjalani latihan praktikal tanpa perlu keluar dari pulau ini” kata-nya.

Beliau berkata, Perbadanan Labuan juga sedia menimbang menyediakan tapak tanah bagi merealisasikan



SKROL .... Amir On (dua, kanan) ketika menerima skrol daripada Dr Mohd Harun yang disaksikan oleh Yunus (kanan sekali) dan Dr Kassim (kiri sekali).

cadangan itu.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr Mohd Harun Abdullah ketika ditemui pada majlis itu berkata, cadangan itu sedia untuk

dipertimbangkan.

“Kami akan mengkaji perkara itu daripada pelbagai sudut dan apa-apa yang baik akan diambil perhatian untuk dikemukakan kepada Kementerian.” Katanya.

graduan UMS-KAL sempena Majlis Konvokesyen UMS kali ke 14.

Pada majlis itu beliau juga turut menerima skrol daripada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah disamping menyempurnakan majlis penyerahan kunci sebagai tanda simbolik penerimaan graduan kepada komuniti setempat serta memerakui graduan UMS-KAL sebagai warga Wilayah

Persekutuan Labuan.

Hadir sama, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Naib Canselor (Bahagian Akademik Antarabangsa), UMS, Prof. Dr Shariff A.K. Omang Al Haj, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UMS, Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur. - **OLEH JAINUDIN DJIMIN – jainudin@newsabah-times.com.my**

Terdahulu sebelum itu Amir On yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainol Abidin Abdullah menyaksikan acara Perarakan Berjubah yang melibatkan seramai 581